

BAB DUA

KESEDARAN ORANG-ORANG CINA TERHADAP PERKEMBANGAN PERADABAN CINA

2.1 PENDAHULUAN

Gerakan 4 Mei ialah fenomena rumit yang melibatkan arus pemikiran baru, revolusi kesusasteraan, gerakan pelajar, pertikaian antara peniaga dan pekerja, dan tunjuk perasaan orang ramai dalam usaha menentang Jepun, serta aktiviti-aktiviti sosial dan politik yang dijalankan oleh golongan intelektual baru. Antaranya, golongan intelektual merupakan tuggak kepada siri gerakan ini. Mereka memikul tanggungjawab yang tidak ternilai untuk membangunkan negara semula. Kesedaran golongan intelektual menjadi suatu anugerah yang menyedarkan seluruh rakyat Cina agar peradaban Cina berupaya “hidup” semula. Lantarannya, pemikir-pemikir Cina moden menumpukan perhatian mereka untuk mananam fikiran-fikiran kepada pelajar-pelajar dan pemuda-pemuda Cina. Kesemua serangan ganas terhadap tradisi dan konservatif adalah dilakukan oleh pelajar-pelajar dan gerakan tersebut adalah dilancarkan oleh golongan patriot-patriot bersejati.

2.2 GERAKAN 4 MEI DAN KEBANGKITAN SEMULA PERADABAN CINA

Gerakan 4 Mei ialah satu peristiwa yang menggegarkan sejarah Cina moden. Ia merupakan satu arena yang penuh dengan pergelokan pemikiran dan juga merupakan lapangan yang digunakan oleh intelektual-intelektual Cina moden untuk meluahkan bantahan, kebencian, keriangan dan perasaan jiwa bangsa negara, seterusnya meluhurkan cita-cita mereka terhadap negara China dalam dunia. Zaman tersebut dikenali sebagai

Zaman Pembaharuan Peradaban Cina. Gerakan ini berperanan penting menggerakkan Gerakan Pemodenan Peradaban Cina dan menjayakan Revolusi Sastera. Gerakan 4 Mei mencapai kemuncaknya pada 4 Mei 1919, di mana lebih kurang 5000 orang pensyarah dan mahasiswa-mahasiswi dari 13 buah universiti dan kolej terutamanya Universiti Peking telah mengadakan kempen tunjuk perasaan dan demonstrasi untuk membantah keputusan Persidangan Damai Versailles mengenai Shandong di hadapan *The Gate of Heavenly Peace* (*Tian An Men*).⁶ Mahasiswa-mahasiswi tersebut telah membawa sepanduk-sepanduk dengan slogan-slogan seperti ‘Negara China kepunyaan Orang Cina,’ ‘Kembalikan hak-hak negara China di Shandong,’ ‘Jangan menerima dua puluh satu tuntutan’ dan ‘Hukum semua pengkhianat’ untuk menunjukkan perasaan kecewa serta marah terhadap Barat dan semangat nasionalisme.⁷

Semangat nasionalisme pelajar-pelajar yang telah berbara sejak beberapa abad dahulu telah bangkit dan bernyala-nyala. Mereka menjerit-jerit dengan slogan dan menulis manifesto:

Kehilangan Shandong bermakna keruntuhan kesempurnaan negara China. Sekiranya kesempurnaan negara China telah dirombakkan, dengan segeranya negara China akan binasa... Dengan sepenuh hatinya, kita berharap golongan rakyat yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti sektor pertanian, sektor industri, sektor perdagangan, dan kumpulan-kumpulan yang lain dari seluruh bangsa akan bangkit dan mengadakan satu perjumpaan rakyat untuk memperjuangkan tanah air kita dalam hal ehwal antarabangsa dan menghalau pengancam-pengancam keluar dari rumah. Ini adalah perjuangan kematian dan peluang yang terakhir bagi mempertahankan nyawa orang-orang Cina. Hari ini kita berjanji dengan dua persumpahan yang takzim: (1) tanah Cina boleh ditempur tetapi tidak

⁶John King Fairbank, Edwin O. Reischauer dan A.M. Craig, *East Asia: The Modern Transformation* (Boston: Houghton Mifflin, 1965), hlm. 665.

⁷Wolfgang Franke, *A Century of Chinese Revolution 1851-1949* (Columbia: University of South Carolina Press, 1980), hlm. 93-94

boleh diserahkan; (2) rakyat Cina boleh dibunuh tetapi mereka tidak akan menyerahkan diri. Negara kita sedang terbinasa. Bangunlah, ikhwan!⁸

Oleh demikian pelajar-pelajar dan pemimpin-pemimpin gerakan melancarkan suatu kempen anti-Jepun secara besar-besaran. Semangat nasionalisme telah menyebabkan mereka membuat tinjauan atas seluruh peradaban Cina supaya dapat membina peradaban Cina baru melalui cara keintelektualan dan demokrasi. Selepas Peristiwa 4 Mei, usaha pemodenan peradaban semakin giat dituntut dalam perjalanan pembangkitan yang berliku-liku. Semua elemen tradisi sengit disoal. Etika, adat-resam, kesusasteraan, sejarah, falsafah, keagamaan, sosial dan politik tradisi telah semakin lenyap dilandai dengan pemikiran kebaratan yang berasaskan sains dan demokrasi. Liberalisme, pragmatisme, utilitarianisme, arnakisme, dan banyak ideologi lain telah terserap dalam gerakan tersebut.⁹

Tatkala itu, faktor serta-merta yang mengakibatkan tercetusnya Gerakan 4 Mei ialah Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada bulan April 1919 yang telah memutuskan bahawa bekas hak-hak Jerman di Shandong diserahkan kepada Jepun. Gerakan 4 Mei dilancarkan akibat daripada sentimen kebencian terhadap orang-orang Jepun di kalangan orang Cina. Mereka benci akan Jepun kerana tindakan Jepun mengambil Shandong dari negara China. Ketika peristiwa Perang Dunia Pertama, Jepun yang memihak Berikat telah menyerang Jerman yang menduduki Semenanjung Shandong. Selepas Jerman berjaya ditewaskan, Jepun terus menakluki wilayah ini walaupun dibantahi oleh negara China. Sungguhpun berdepan dengan bantahan, pihak

⁸Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Cambridge: Harvard University Press, 1960), hlm. 106-107.

⁹Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 1.

Jepun telah mengemukakan 21 tuntutan terhadap Yuan Shikai (1859-1916), iaitu pemimpin kerajaan Cina pada masa itu. Jika segala tuntutan itu diterima oleh negara China, ini bermakna kemerdekaan negara China tergadai kepada Jepun. Oleh sebab tuntutan ini menemui bantahan, Jepun telah memindah dan membuat tuntutan sekali lagi dengan pihak Cina. Negara China akan mengalami kerugian yang lebih besar jika tidak memuaskan tuntutan itu.

Kerajaan Cina kekurangan peluang untuk membela diri, jadi ia terpaksa memenuhi tuntutan Jepun dan mengesahkan persetujuan pada 9 Mei 1915. Antara tuntutan yang menusuk hati rakyat Cina ialah permintaan melanjutkan tempoh pemajakan ke atas Jiaozhou hingga 90 tahun dan memberikan hak kepada rakyat Jepun untuk mendirikan hospital, gereja, dan sekolah. Tuntutan ini dianggap sebagai satu penghinaan bagi masyarakat Cina kerana Daerah Shandong merupakan tanah suci Cina di mana ia adalah tempat lahir Kong Zi dan Meng Zi, tempat mereka mengajar dan meninggal dunia. Ia juga merupakan posisi penting bagi kegiatan ekonomi dan tempat pertahanan yang strategik. Rakyat Cina berpandangan bahawa tindakan memaksa ini telah menggadaikan maruah mereka.

Apabila Perang Dunia Pertama tamat, negara China merupakan ahli kepada kumpulan Berikut telah menyertai persidangan antarabangsa yang diadakan di Versailles, Perancis. Bagaimanapun, negara China diperbudak-budakkan sebagai kuasa yang kecil dan tidak diberikan hak yang sepenuhnya untuk bersuara. Sementara itu, pihak Jepun pula bersebaris dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Perancis, Britain dan Itali.

Dalam persidangan itu, perjanjian China-Jepun telah ditandatangani dan mendapat pengiktirafan dari kuasa-kuasa lain. Ini bermakna Jepun mempunyai hak terus berkuasa ke atas Shandong. Keadaan ini mendapat tentangan daripada orang-orang Cina yang berada di dalam dan luar negara. Mereka menghantar telegram untuk memprotes keputusan Persidangan Versailles masing-masing, dan mendesak supaya perjanjian itu tidak berjaya ditandatangani.¹⁰ Perasaan anti-penjajahan dan anti-imperialisme yang telah menyelubungi semua rakyat Cina, akhirnya menjangkau kemuncak di kalangan intelektual sehingga mencetuskan Peristiwa 4 Mei. Pada masa itu, rakyat Cina berhasrat meminta-balik hak-hak Cina di Shandong dan mendesak supaya kerajaan Cina tidak mengalibabakan hak-hak melalui Perjanjian Versailles serta menolak 21 Tuntutan oleh Jepun agar negara China tidak menjadi protektorat Jepun.

Kadang-kala, Gerakan 4 Mei dianggap sebagai revolusi politik atau kemunculan nasionalisme menentang kuasa asing bagi membantah Persidangan Damai Versailles yang merugikan negara China pada masa 4 Mei 1919. Gerakan 4 Mei bukan sahaja merujuk kepada gerakan politik yang ditafsirkan seperti di atas, namun juga melibatkan perjuangan dari segi budaya pemikiran melalui *Majalah Pemuda Baru* (New Youth) yang merupakan tempat bermulanya revolusi.¹¹ *Majalah Pemuda Baru* diasaskan oleh Chen Duxiu (1879-1942) pada tahun 1915, dan merupakan suatu agen penting bagi Gerakan 4 Mei.

¹⁰Li Dingsheng, *Zhongguo Jindai Shi* (Sejarah Modern Negara China) (Shanghai: Guangming Shuju Yin Hang, 1946), hlm. 240-241.

¹¹Pada peringkat yang awal, *Majalah Pemuda Baru* (*Xin Qingshian*) telah mencetakkan karya-karya translasi daripada Russia, Perancis, Norway, Britain dan lain-lain. Tetapi ia tidak mendapat sambutan yang besar kerana bahasa translasinya ialah bahasa klasik. Selain itu, *Pemuda Baru* juga banyak menyumbang kepada Revolusi Sastera.

Gerakan 4 Mei juga dianggap sebagai satu gerakan pemodenan peradaban Cina yang berazam untuk metafsirkan semula tradisi Cina dengan menyerap unsur-unsur sains dan demokrasi supaya melahirkan sebuah negara China yang baru..¹²

Secara amnya, Gerakan 4 Mei meliputi dua bahagian, iaitu gerakan anti-imperialisme serta patriotik oleh mahasiswa-mahasiswi yang dikenali sebagai Peristiwa 4 Mei dan satu lagi adalah gerakan yang berkait rapat dengan gerakan sastera dan golongan intelektual yang dikenali sebagai Gerakan Pemodenan Peradaban Cina.¹³ Walau bagaimanapun, kedua-duanya telah membawa pelbagai implikasi kepada peradaban Cina.

Pada abad ke-19, negara China menghadapi gangguan dari negara-negara Barat dari segi pemikiran dan kebudayaan. Melalui konflik yang meruncing, jati diri bangsa Cina telah dipersoalkan dan diperkenalkan semula. Peradaban Cina terpaksa mengenalkan diri semula selepas hentakan kebaratan yang begitu mendalam. Pegawai kerajaan Cina yang masyhur, Li Hongzhang (1820-1897) menyatakan peradaban Cina tidak pernah menemui perubahan yang begitu besar dan mendadak sejak 3000 tahun dahulu.¹⁴ Keluh-kesah yang bertengking ini menunjukkan golongan patriotik terjaga bahawa negara China telah menghadapi suatu cabaran yang menggerunkan. Imej peradaban Cina yang kuat itu tiba-tiba tergempa dan nyaris-nyaris hancur.

¹²Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 5.

¹³Lin Yusheng, *Wusi: Duo Yuan de Fansi* (4 Mei: Pemikiran yang Pelbagai Rakam) (Hong Kong: Sanlian Shudian, 1989), hlm. 1.

¹⁴Wang Ermin, *Zhongguo Jindai Sixiang Shi Lun* (Perbincangan Sejarah Falsafah Moden Cina) (Taipei: Taiwan Shang Wu Yinshu Guan, 1995), hlm. 15.

Pada zaman dahulu, negara China dikenali sebagai “middle kingdom” yang membawa maksud negara China sendiri merupakan pusat kepada segala benda. Nama negara China hanya digunakan sejak abad ke-14. Jika ditinjau, pada abad ke-3 sebelum masih nama negara ini dikenali sebagai *Xia*. Walau apapun, orang-orang Cina selalu menikmati keyakinan bahkan keangkuhan yang memperlihatkan diri sebagai seorang yang bertamadun dan lebih superior. Kuasa mutlaknya telah mendominasi di rantau Asia sehingga abad ke-19, negara-negara di sekelilingnya terpaksa membayar ufti dalam tempoh yang ditetapkan.¹⁵ Negara China menganggap segala perkara atau benda yang dimilikinya adalah lebih superior daripada negara-negara yang lain. Sementara apa-apa tentang kuasa Barat dianggap adalah tidak baik, sial dan tidak setanding dengan peradaban Cina. Ini merupakan salah satu sebab negara China tidak menentang terhadap kuasa Barat pada peringkat awal penjelajahan orang-orang Barat. Mereka tersekat dalam bahasa komuniti dan enggan membuat perubahan. Dengan bahasa komuniti dan kebudayaan tradisi yang sedia ada mereka tidak mampu mengenali keadaan yang mencabar itu.¹⁶ Kebudayaan yang diamalkan pada peradaban Cina adalah diwarisi dari beribu-ribu tahun dahulu. Mereka tidak ingin membuat perubahan pada peradaban serta cara hidup yang diamalkan sejak generasi nenek moyang. Akan tetapi demi pemeliharaan dan pengekalan *status quo*, pegawai-pegawai dan intelektual-intelektual dahulu turut berat hati menerima perubahan amalan. Konsep superioriti dan *status quo* ini telah menjauhi mereka daripada realiti semasa sehingga akhir abad ke-19.

¹⁵Wang Ermin, *Zhongguo Jindai Sixiang Shi Lun* (Perbincangan Sejarah Falsafah Modern Cina), hlm. 41.

¹⁶Dalam buku Edward W. Said, *Representations of The Intellectual* (New York: Vintage Books, a division of Random House Inc., 1996, hlm. 64) mengatakan *language community* (bahasa komuniti) menghadkan kebebasan mengkritik seseorang intelektual dan menyebabkan intelektual asyik mengekalkan keadaan yang sedia ada.

Pada umumnya, wujud beberapa faktor yang membawa kepada kesedaran orang-orang Cina terutamanya golongan intelektual sehingga mencetuskan Gerakan 4 Mei. Semenjak berlakunya Perang Candu pada tahun 1840 sampai 1842, dikatakan seluruh negara China berada dalam keadaan yang huru-hara dengan menghadapi pelbagai perperangan. Pada masa itu, penubuhan sebuah republik yang menggantikan kerajaan monarki masih tidak dapat membawa keamanan dan kesejahteraan kepada negara China. Keadaan sebegini telah menyebabkan orang-orang Cina yang berpendidikan dan dipengaruhi Barat tidak lagi berkeyakinan terhadap kerajaan. Jadi, mereka sentiasa berupaya mencari cara penyelesaian misalnya mengkaji semula warisan peradaban Cina. Mereka menyarankan orang-orang Cina meninggalkan semua elemen yang dianggap melemahkan peradaban Cina dan bertekad untuk menerima idea-idea sains, demokrasi dan kebudayaan Barat sebagai atas “Order Baru” Cina.¹⁷

Kejadian Gerakan 4 Mei juga disebabkan perkembangan pendidikan pada akhir abad ke-19 dan penubuhan Universiti Peking yang menjadi pusat kegiatan intelektual di negara China. Selepas pelajar-pelajar balik dari luar negeri, mereka telah sedar akan masalah-masalah yang dialami oleh tanah air mereka dan ingin melakukan pemulihan. Pada pendapat mereka, cara terbaik untuk menyelamatkan dan memajukan negara China adalah mengubah semangat dan pemikiran rakyat negara. Mereka berpendapat bahawa negara China masih mundur di belakang dalam pelbagai bidang. Akibatnya, para intelektual pun melibatkan diri dalam usaha-usaha untuk memperbaiki segala kepincangan yang timbul. Pada masa itu, Universiti Peking yang memainkan peranan

¹⁷Huang Junying , *Er Ci Dazhan De Zhongwai Wenhua Jiaoliu Shi* (Sejarah Interaksi Antara Budaya Barat Dengan China Semasa Perang Dunia Kedua) (Chongqing: Chongqing Chubanshe, 1991), hlm. 8.

sebagai pusat intelektual telah membolehkan para penuntut mendapat inspirasi daripada ahli-ahli Universiti Peking, misalnya Cai Yuanpei (1868-1940) yang merupakan Presiden Universiti Peking, Chen Duxiu sebagai Dekan Fakulti Sastera, Hu Shi sebagai seorang profesor di universiti tersebut telah memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan Gerakan 4 Mei. Antaranya, Chen Duxiu telah memperkenalkan pemikiran-pemikiran Barat dan menggalakkan penulisan realisme dan utilitarianisme dalam *Majalah Pemuda Baru*. Beliau memperorangkan idea demokrasi dan ilmu sains sebagai “Encik Demokrasi” dan “Encik Sains” serta menyarankan bahawa hanya “Encik Demokrasi” dan “Encik Sains” berkemampuan memulihkan negara China dalam bidang politik, pelajaran dan pemikiran.¹⁸ Pada pendapat beliau, untuk menegakkan “Encik Demokrasi” dan “Encik Sains,” negara China terpaksa menentang Konfusianisme, upacara lama, etika kuno, kesenian lama, agama purba dan sistem politik lama. Beliau menempatkan segala unsur lama Cina dan unsur-unsur baru Barat pada kedudukan yang bertentangan. Oleh itu, tidak ada perjalanan sederhana yang dibenarkan bagi kedua-dua aliran agar saling bersesuaian.¹⁹ Nescayanya, untuk mempraktikkan “Encik Demokrasi” dan “Encik Sains,” maka terpaksalah membantah kesusasteraan lama.

Umumnya, matlamat utama intelektual-intelektual dalam Gerakan 4 Mei adalah memperjuangkan demokrasi dan mengutamakan sains. Para ahli gerakan ingin menumpaskan peradaban kolot lama dan menggantikannya dengan peradaban Barat yang lebih maju supaya menyelamatkan negara China terhina daripada mengalami kehancuran, serta memuafakatkan rakyat agar membebaskan negara China daripada belenggu orang-

¹⁸ John King Fairbank, Edwin O. Reischauer dan A.M. Craig, *East Asia: The Modern Transformation* (Boston: Houghton Mifflin, 1965), hlm. 665.

¹⁹ Hu Shi, *Hu Shi Zuopin Ji 6* (Koleksi Hu Shi Keenam), hlm. 115-116.

orang asing, tetapi antara perkembangan pemulihannya terikut-ikut dengan rentak-rentak Barat.

Memandangkan nasib rakyat Cina bukanlah suatu masalah terasing, malahan suatu masalah umat manusia yang selama-lamanya, pemikir-pemikir Cina lantarannya lebih berbeban dan tertekan. Hal ini kerana sementara menyelesaikan masalah bangsa, mereka bersimpati dengan masalah seluruh umat manusia. Ilmu pengetahuan dan pengalaman golongan intelektual semakin mencakar langit yang meluas, sementara pertambahan ilmu telah tidak dapat melapangkan dan menyenangkan dada golongan intelektual Cina yang merupakan peneroka peradaban. Oleh sebab misi menyelamatkan negara berubah daripada bangsa dalam peradabannya kepada dimensi yang lebih luas iaitu kasihan terhadap seluruh umat manusia di dunia ini telah membebankan lagi dilema yang melandai mereka. Cuma, mereka tidak berkemampuan menggunakan bahasa dunia (esperanto) untuk meluahkan kerisauan mereka.

2.3 GOLONGAN INTELEKTUAL DAN PERKEMBANGAN PERADABAN CINA

Sumbangan golongan intelektual Cina telah membawa peradaban Cina yang mampu menginjak peringkat perkembangan kebijaksanaan dan keimanan yang tinggi. Kegemilangan peradaban Cina banyak terhutang kepada golongan intelektual sejak dari zaman dahulu sehingga hari ini. Oleh itu, soal mengenai golongan intelektual Cina haruslah ditinjau dari semasa ke semasa. Akan tetapi, dengan permintaan dan pendekatan yang tersendiri, identiti dan peranan intelektual telah diberikan tafsiran yang berlainan. Dalam sesetengah analisis, kemartabatan dan kelayakan intelektual telah dikritik oleh golongan intelektual yang berasaskan latar belakang pengetahuan pemerhati tertentu. Oleh itu, kritikan ataupun analisis terhadap intelektual oleh intelektual susah membayangkan keadaan sebenar.

Edward Said telah menegaskan bahawa ciri kebebasan intelektual daripada kongkongan kuasa lain merupakan ciri penting seseorang intelektual. Seseorang intelektual tidak patuh kepada sesebuah kerajaan, institusi ataupun organisasi awam yang terdiri daripada ikhwan baik, beliau mesti bebas bertindak mengkritik.²⁰ Justeru itu, golongan intelektual Cina seharusnya difahami daripada latar belakang persejarahannya supaya kritikan yang dilakukan terhadap golongan intelektual Cina tidak terpengaruh dengan konsep intelektual semasa. Lagipun, dengan perkembangan industri pelancongan dan teknologi maklumat, dunia telah berhadapan dengan pelbagai kelainan (otherness) dan perbezaan (difference) yang mendesak kita membuat penilaian ke atas latar belakang intelektual tertentu yang berlainan bangsa negara, agama ataupun benua.

²⁰Edward W. Said, *Representations of The Intellectual*, hlm. 26.

Golongan intelektual Cina berasal daripada golongan *shi da fu*. Manakala *shi da fu* adalah berketurunan kelompok *da fu shi*. Kedua-dua identitinya boleh difahamkan dengan sebutan *shi da fu* sebagai *scribe-official* dan *da fu shi* dirujukkan kepada *noble-knight*. *Da fu shi* ialah pahlawan yang berkedudukan bangsawan pada zaman sebelum Dinasti Qin (221-206 s.m.), manakala *shi da fu* pula terdiri daripada pegawai birokrasi kerajaan autokrasi yang kehilangan kebolehan seni pertahanan diri.²¹

Sebenarnya *shi da fu* mula muncul pada zaman Chun Qiu (770-476 s.m.). Kong Zi (551-479 s.m.) iaitu seorang ahli falsafah dan pakar pendidikan telah menghapuskan batasan pendidikan semasa dan menyebarkan sumber-sumber pendidikan kepada orang ramai dan seterusnya mengasaskan suatu falsafah yang unggul yang dinamakan Konfusianisme. Serentaknya, selain aliran Konfusianisme, banyak aliran falsafah turut berkembang. Mereka menjadi penyebar idea yang bijaksana dan berpengetahuan luas. Pada peringkat awal, mereka tidak terbatas oleh suatu ideologi malah mereka saling mengkritik dan bertukar pandangan. Tetapi selepas Dinasit Han (202 s.m.-204 t.m.), Konfusianisme menjadi suatu peralatan pemikiran yang dieksplotasikan sebagai idea munasabah terhadap pembinaan sistem pemerintahan autokratik. Beginilah, *shi da fu* memperoleh kedudukan kerajaan yang tinggi. Setakat ini, *shi da fu* telah kehilangan kebolehan dari segi seni pertahanan dan kuasa ketenteraan yang dimiliki oleh pahlawan bangsawan *da fu shi* yang sebelumnya. Walaupun bagaimanapun, pada zaman Kong Zi, ahli-ahli Konfusianisme masih mementingkan pengetahuan dan kemahiran berupacara, muzik, memanah, menunggang kuda atau kereta kuda, membaca dan mengira yang

²¹Xu Fuguan, *Zhishi Fenzi Yu Zhongguo* (Kaum Intelektual dan China) (Taipei: Shidai Wenhua Chubanshe, 1980), hlm. 38.

disebut Enam Kemahiran (*liu yi*) yang membina seseorang intelektual yang sempurna.²² Ikhtiar-ikhtiar yang dicurahkan oleh intelektual-intelektual zaman ini melebihi julat kuasa politik, dan tumpuan mereka merangkumi masalah kemasyarakatan. Contoh yang baik seperti Kong Zi, kegiatan dan gerakan beliau tidak hanya terikat kepada kuasa politik. Apabila kemajuan nasib politik bagaikan angin diputar dan ombak bersabung, beliau akan mengalih perhatiannya atas pendidikan orang ramai. Mereka mempunyai matlamat berpolitik yang jelas, iaitu berpolitik demi kebajikan masyarakat. Apabila cita-cita susah dicapai melalui usaha politik, mereka akan meninggalkan arena politik agar menjadi pendidik-pendidik yang berdedikasi.²³ Namun sekian pemusatan kuasa pemerintahan autokratik diketatkan sepanjang Dinasti Qin sehingga ke Dinasti Qing (1644-1911). Ini menyebabkan sistem birokrasi semakin kukuh dan tradisi intelektual-intelektual tersekat dalam bidang pengetahuan etika yang berpolitik.

Walau bagaimanapun, dengan suatu warisan yang kukuh, golongan intelektual Cina berperanan sebagai seorang insan yang bertanggungjawab terhadap masalah pembangunan negara, pengendalian hal ehwal kerajaan, dan perancangan berkaitan dengan perkembangan negara, bahkan terus menceburkan diri ke dalam kegiatan-kegiatan politik selama hayat dikandung badan. Peranan sebegini telah dilanjutkan melebihi dua ribu tahun. Setiap rakyat Cina yang bertekad menjadi seorang intelektual juga berpeluang menjadi pegawai kerajaan jika beliau berjaya dalam peperiksaan kerajaan (*keju*). Keadaan ini menjadi lebih ketara apabila sistem peperiksaan kerajaan

²²Xu Fuguan, *Zhishi Fenzi Yu Zhongguo* (Kaum Intelektual dan China), hlm. 47.

²³Xu Fuguan, *Zhishi Fenzi Yu Zhongguo* (Kaum Intelektual dan China), hlm. 224.

telah dimantapkan dalam masa Dinasti Tang (618-907). Dengan kata lain, peranan golongan intelektual Cina tegap bersangkutan dengan sistem pemerintahan.

Semenjak Dinasti Han, seorang sarjana Konfusianisme, Dong Zhongshu (179-104 s.m.) telah bercadang kepada Maharaja Wu Di (156-87 s.m.) supaya membentengkan kesemua aliran pemikiran falsafah melainkan falsafah Konfusianisme. Di sebalik perancangan ini berselindungan motif yang cuba memusatkan kuasa pentadbiran kepada pemerintah. Dengan itu, usaha ini dapat mengukuhkan status pemerintahan ahli-ahli Konfusian dari segi teori dan praktik. Ia juga telah memancangkan kedudukan dan peranan golongan intelektual ke atas arena politik. Padahalnya, perkembangan ini telah mengetatkan pergantungan politik ke atas kebudayaan. Ini mencerminkan fikiran tradisi golongan intelektual Cina yang berpendapat bahawa politik yang stabil perlu didirikan di atas asas kebudayaan yang kuat supaya peradaban dapat dimajukan dalam pemerintahan yang stabil.²⁴ Jelaslah dilihat setakat ini, peranan intelektual tradisional Cina adalah berbeza dengan intelektual tradisional Rusia yang disebutkan sebagai “intelligentsia,” di mana golongan ini tidak bercampur tangan dalam hal kuasa politik dan pengelolaan institusi-institusi masyarakat. Walaupun intelektual-intelektual dari Barat dan Cina masing-masing menunjukkan semangat patriotik motivasi nasionalisme mereka tetap berbeza. Peranan nasionalisme yang dipegang oleh intelektual-intelektual Cina adalah unik, jika peranan tradisional ini dibandingkan dengan peranan intelektual di Barat yang intelektual Barat telah meleraikan ikatan agama dengan kegiatan politik.²⁵ Menurut John

²⁴Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina) (Henan: Henan Renmin Chubanshe, 1997), hlm. 102.

²⁵Lin Yusheng, *Zhoumo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina), hlm. 147.

K. Fairbank, perbezaan idea nasionalisme terpenting antara intelektual Cina dan Barat adalah nasionalisme yang berkibar dalam hati golongan intelektual Cina bercorakan nasionalisme kebudayaan (cultural nationalism) manakala bagi Barat pula ialah nasionalisme politik (political nationalism).²⁶

Peranan intelektual seperti yang dijelaskan menjadi lebih kejang pada Dinasti Sui (581-618) dan Dinasti Tang. Pada masa itu, peperiksaan kerajaan yang sukatannya berdasarkan ajaran Kong Zi yang telah menjadi satu-satu jalan bagi seseorang intelektual berpeluang menjadi pegawai negara telah diadakan. Sistem inilah yang mengadunkan peranan intelektual-intelektual, umpamanya mereka menuntut ilmu yang sama, cita-cita sama, dan mempunyai sikap yang sama semasa berhadapan dengan masalah kehidupan dan negara.²⁷

Menurut seorang pemikir Dinasti Song (960-1279) yang terkenal, iaitu Fan Zhongyan (898-1052), cendekiawan mesti menganggap dan memikul segala masalah dunia sebagai tanggungjawab sendiri. Orang berilmu akan hidup senang hanya ekoran dunia disejahterakan (*xian tian xia zhi you er you, hou tian xia zhi le er le*);²⁸ dan matlamat utama insan berdisiplin adalah berjasa kepada dunia pada akhirnya. Kewajiban ini merupakan satu tradisi suci yang “diwahyukan” oleh kepercayaan *dao* (jalan) di mana ia tidak sama dengan tradisi Barat yang merujuk kepada wahyu ketuhanan. Bagi tradisi

²⁶ Gu Xin, *Zhongguo Qimeng De Lishi Tujing* (Imej Sejarah Kesedaran Cina), (Hongkong: Oxford University Press, 1992), hlm. 188.

²⁷ Huang Ray, *Fanguan Lishi De Shijie* (Menilai Semula Sejarah) (Beijing: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe, 1998), hlm. 10-11.

²⁸ Pepatah ini boleh didapati dalam petikan yang bertajuk *Yue Yang Lou Ji* yang ditulis oleh Fan Zhongyan. Petikan itu telah disimpan dalam *Fan Wen Zheng Gong Ji* (Koleksi Fan Zhongyan) yang diterbit oleh Wang Yunwu, (Taiwan: Shangwu Yinshuguan Gufen Youxian Gongsi, 1968), jilid 4, hlm. 95.

Cina, sungguhpun *dao* merupakan punca segala kewujudan, ia tidak berubah kepada konsep ketuhanan dan ia juga tidak difahamkan sebagai *personal God* seperti kepercayaan Barat. Justeru itu, idea-idea *the city of God* dan *universal church* tidak wujud dalam minda golongan intelektual Cina. Walaupun antara pemikiran seperti “tebing pantai sini dan sana” membawa maksud yang agak sama dengan “dunia ini dan dunia lain” dalam pemikiran Barat, ia tidak menunjukkan cara tafsiran dualisme yang begitu jelas berbeza seperti kefahaman Barat. Kesedaran intelektual adalah lebih cenderung kepada kemulian peribadi (self-esteem) daripada *ren* (keperikemanusiaan).²⁹ *Ren* ialah satu kesedaran kalbu zakiah seseorang yang menginginkan dirinya menjadi *junzi* (orang yang bermaruah tinggi) bahkan *shengren* (orang yang beriman). Peningkatan kualiti keperibadian mesti dilatih dari dalaman individu dan kemudian berhadapan dengan orang ramai di dunia ini.

Konsep *junzi* mempunyai sifat kebaikan termasuk kesederhanaan atau *zhong yong*, umpamanya seorang *junzi* harus menjadi seorang pegawai kerajaan pada masa yang betul dan sesuai. Beliau diminta memegang jawatan dan menunaikan tanggungjawab sekalipun dalam keadaan huru-hara. Akan tetapi, apabila tiba masa diminta meletakkan jawatan, beliau akan berbuat demikian. *Junzi* pada mulanya ialah satu gelaran kepada orang atasan seperti *nobility* dan *gentleman* di Barat. Akhirnya ia berubah menjadi satu nama yang dalamannya bercirikan nilai-nilai moraliti sebagaimana menurut *Annalet* iaitu *dao* yang disanjungi oleh *junzi* ialah jalan *ren*.³⁰ Walaupun kualiti *junzi* perlu disempurnakan dengan Enam Kemahiran Kehidupan seperti yang diamalkan oleh *da fu shi* yang telah

²⁹Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 10.

³⁰Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 19.

diterangkan sebelum ini, perikemanusiaan yang suci tetap menjadi asas dan tunggak kepada seseorang *junzi*. Kong Zi menekankan,

Berpegang pada cara yang menepati tujuan kehidupan yang berasaskan kemulian, berpaksikan perikemanusiaan (*ren*), dan beriadah dalam enam kemahiran (berupacara, muzik, memanah, menuggang kuda atau kereta kuda, membaca dan mengira).³¹

Keyakinan intelektual tidak menghubungkan diri mereka dengan kepentingan ekonomi; peranan dan jati direi dalam masyarakat intelektual hanya dikekalkan dengan keyakinan intelektual di mana Menzi menyebutnya sebagai “ketabahan hati.”³² Akan tetapi, keyakinan ini telah diganggu semasa Dinasti Qin yang memulakan satu tradisi kerajaan berkuasa pusat yang mutlak dalam sejarah Cina. Memandangkan kekuasaan sistem politik monarki secara langsung menjelaskan *dao*, maka Dong Zhongshu terpaksa mencari satu nilai yang universal iaitu *tian dao* (mandat ketuhanan) yang berjaya menyekat kuasa maharaja daripada penyelewengan menggunakan kuasa.³³ Dengan mandat *tian dao* kuasa mutlak yang dimiliki oleh maharaja adalah bertujuan menjaga keamanan dunia. *Tian*, dalam peradaban Cina selalunya dirujuk kepada langit atau syurga yang kadang-kala juga bermaknakan dewa yang terkuat dalam masyarakat Cina. Kong Zi telah menganggap *tian* sebagai asas atau nasib (fate). Bagi Konfusianisme, apa-apa yang berlaku di luar kuasa manusia adalah daripada keinginan *tian*. Contohnya, perintah *tian* telah digunakan dalam Dinasti Zhou (1066-221 s.m.), memandangkan pemimpin puak Zhou telah berjaya menggulingkan pemerintahan Dinasti Shang (1511-1066 s.m.) dan memerintah seluruh negara China. Justeru itu, dengan “mandat ketuhanan”, seseorang

³¹ *Annalects of Confucius* (Beijing: Sinolingua, 1994), hlm. 106.

³² Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Jiecheng Shi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina) (Taipei: Liang Jing Chuban Shiye Gongsi, 1993), hlm. 47.

³³ Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 15.

pemerintah dapat merajai negara China kerana baginda dikurniakan kuasa dari *tian*. Keizinan pemerintahan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya pemerintahan tidak memenuhi kehendak *tian dao*, iaitu jalan terunggul yang bertatatertib, beretika dan berkeadilan. Walau bagaimanapun, akhirnya mandat *tian* meninggalkan jiwa intelektual disaluti noda kekuasaan politik, sementara itu ia juga mencerminkan kestabilan politik Cina bergantung kepada asas peradaban yang kukuh.

Walaupun intelektual tradisional Cina mempunyai pelbagai gelaran seperti *dushu ren*, *shi*, *shi ren* dan *shi da fu*, tetapi kebanyakannya cita-cita mereka adalah berketerampilan menjadi seorang pegawai yang banyak berjasa atau berkuasa tinggi.³⁴ Mereka tidak bertujuan menuntut ilmu demi ilmu, sedangkan ilmu ialah alat bagi menjayakan impian mereka, iaitu menampilkkan diri sebagai golongan pegawai yang berjasa atau berkuasa semata-mata. Lama-kelamaan, proses ini telah menjadikan intelektual-intelektual menceburkan diri dalam pentadbiran, menjadi golongan yang berkuasa dan berstatus, sementara kekuasaan mereka dapat diwarisi oleh keturunan kekeluargaan yang dilindungi dalam sistem bangsa *shi* (*shi zhu*). Proses ini boleh disimbolkan sebagai penswastaan kuasa awam mengikut keturunan (the privatization of public power).³⁵ Kuasa paling tinggi juga diswastakan oleh seorang emperor, iaitu anak keturunan baginda boleh mewarisi kuasa agung melalui sistem aristokrasi. Pemusatan kuasa sistem imperial ini telah “menubuhkan” Konfusianisme semasa Dinasti Han di mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada golongan intelektual yang berasal daripada kaum *shi* dari generasi ke generasi. Sistem birokrasi berperanan mengimbangi dan menentang kuasa militari yang

³⁴Xu Fuguan, *Zhishi Fenzi Yu Zhongguo* (Kaum Intelektual dan China), hlm. 127.

³⁵Yu Yingshih, *Zhongguo Lishi Zhanxing Shiqi De Zhishi Fenzi* (Kaum Intelektual Cina Dalam Titik Perubahan Sejarah) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1994), hlm. 29.

gagah yang dikuasai oleh maharaja. Menurut Joseph R. Levenson, sistem monarki telah diseimbangkan oleh kedua-dua badan aristokrasi dan birokrasi, di mana birokrasi sebagai alat maharaja bagi menapis kekurangan aritokrasi manakala aristokrasi ialah alat maharaja bagi menapis kekurangan birokrasi.³⁶ Apabila sistem pemeritahan distabilkan dan dikukuhkan, barulah peranan golongan intelektual jelas ditetapkan dan dikenal secara turun-temurun.

Walaupun di antara pemikir-pemikir seperti Wang Chong (27-97 s.m.) dan Li Zhi (1527-1602) berani menentang ajaran Konfusianisme, mereka telah ditumpaskan oleh kuasa kerajaan dan masyarakat.³⁷ Suara yang bertentangan ini bukan sahaja tidak berjaya menghidupkan semula suasana yang penuh dengan pelbagai falsafah yang unggul seperti zaman sebelum Dinasti Qin, sebaliknya ia jelas kelihatan pemikiran golongan intelektual Cina semakin terkongkong dalam ajaran Konfusianisme dan seterusnya peranan mereka telah dikhususkan dalam lingkungan kekuasaan politik.

Jelas digambarkan, peranan intelektual tradisional Cina sememangnya berpaut-paut dan tertakluk kepada corak dengan sistem pemerintahan. Walau bagaimanapun, golongan intelektual Cina sebenarnya juga berusaha dengan kreatif semasa bernaung di bawah pemerintah. Mereka melancarkan pelbagai aktiviti yang inovatif yang dapat merangsangkan kemajuan kebudayaan atau masyarakat, malah pada hakikatnya, mereka lah yang memikul tanggungjawab bagi meneruskan pembentukan ciri-ciri peradaban Cina. Oleh yang demikian, kegiatan golongan intelektual Cina telah

³⁶Joseph R Levenson, *Confucian China and Its Modern Fate* (Los Angeles: University of California Press Berkeley Ad, 1968), hlm. 39-46.

³⁷Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 300.

meninggalkan kesan ke atas pembentukan institusi Cina yang kukuh dan berkekalan kerana mereka merupakan ahli kepada pentadbiran ataupun pembantu yang baik. Susulannya, peranan ini menyebabkan mereka kehilangan kemampuan yang asas, biarpun kehilangan peluang untuk mengubahsuaikan institusi yang sedia ada. Pemerintahan negara China telah berkekalan sehingga tahun 1911 iaitu penggulingan Dinasti Qing dengan keadaan peranan intelektual yang tidak pernah berganjak. Peranan intelektual hanya dipersoalkan secara tersurat dan tersirat selepas permulaan abad ke-20 dan menjadi kritikal selepas berlakunya Gerakan 4 Mei.

Gerakan 4 Mei bukan satu fenomena yang segar-bugar ataupun tanda yang ditinggalkan daripada kesan Barat. Intelektual-intelektual yang berganding bahu mengkritik dan melancarkan tindakan menentang kuasa mutlak kerajaan pernah berlaku dalam sejarah Cina. Contoh yang paling awal ialah gerakan pelajar pada Dinasti Han Timur (25-220), begitu juga Dinasti Song dan akhir Dinasti Ming (1368-1644).³⁸ Ini membayangkan identiti golongan intelektual Cina telah lama terbentuk dan peranan mereka terhadap masyarakat dan negara telah menjadi satu tradisional.

Gerakan-gerakan yang tercatat dalam sejarah moden seperti Gerakan Reformasi Seratus Hari pada tahun 1898, Revolusi 1911, dan Gerakan 4 Mei, adalah diketuai intelektual-intelektual. Mereka telah melanjutkan peranan tradisional intelektual Cina, yang membezakan mungkin ialah latar belakang seseorang intelektual dan cara ataupun ideologi yang disanjungi mereka. Watak-watak intelektual Cina moden utama yang

³⁸Yu Ying-shi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 126.

dimainkan dalam akhir abad ke-19 dan permulaan abad ke-20 didapati berasal daripada tiga sumber, iaitu

- (1) pegawai kerajaan yang berjaya dalam peperiksaan *keju*.
- (2) intelektual muda yang mendapat naungan daripada kerajaan. Mereka juga pernah memeluk pelajaran moden.
- (3) tiada kedudukan politik memandangkan mereka tidak menduduki peperiksaan *keju*, berasal daripada keluarga perniagaan ataupun pekerja ataupun keluarga yang miskin.

Mereka berbeza dengan golongan *shi da fu* pada zaman tradisi. Pertama, mereka bukan hanya berasal daripada kelas hartawan sahaja. Kedua, ilmu pengetahuan yang dimiliki adalah berbeza, oleh itu terdapat perbezaan dalam pandangan politik, moraliti, kehidupan dan lain-lain. Ketiga, intelektual moden Cina mempunyai keinsafan krisis yang lebih mendalam, dan lebih terbuka, lebih berorientasi kepada tindakan pengubahsuaian peradaban sendiri.³⁹

Daripada maklumat di atas, melalui latar belakang intelektual moden Cina yang disebutkan ia telah membayangkan status intelektual moden yang telah mengalami perubahan yang besar, namun mereka masih mengekalkan peranan tradisional. Jika difahamkan dari sudut kemasyarakatan, stratifikasi masyarakat terdiri daripada golongan cerdik pandai, bangsawan ataupun pegawai kerajaan (*shi*) yang dijunjung oleh semua lapisan masyarakat, dan seterusnya petani (*nong*), artis (*gong*) dan peniaga (*shang*). Keadaan ini tidak lama berkekalan akibat pengaruh kebudayaan Barat dan perubahan struktur masyarakat. Daripada keruntuhan imperialisme, perubahan stratifikasi

³⁹Jiao Runming, *Zhongguo Jindai Wenhua Shi* (Sejarah Moden Kepada Kebudayaan Cina) (Liaoning: Liaoning Daxue Chubanshe, 1999), hlm. 26.

masyarakat, pembubaran peperiksaan *keju* dan lain-lainnya seperti anjakan nilai-nilai kehidupan telah mempengaruhi tindak-tanduk intelektual moden.

Dalam usaha mengharungi belukar pembangkitan bangsa semula, walaupun dengan jelasnya cara penyelesaian dan metodologi peninjauan telah berubah, peranan anak-anak berjiwa api ini tetap diteruskan. Kita cuba mengimbas kembali motif intelektual-intelektual yang hendak membaratkan Cina selepas dampakan Barat. Menurut golongan intelektual, mereka sanggup membaratkan Cina dengan alasan ajaran-ajaran dan ilmu-ilmu Barat adalah berasal daripada Cina. Mereka menyatakan perubahan semasa adalah berpadanan dengan ajaran tradisi, dan mampu menerima perubahan dalam pelbagai aspek secara rasional. Akan tetapi perubahan ini hanya dapat dihayati secara rasional dengan slogan yang berbunyi “Cina sebagai asas manakala Barat sebagai aplikasi.” Apabila perkembangan ini sampai ke permulaan abad ke-20, pemutusan mereka telah mengalami ayunan daripada impak Barat yang semakin kuat. Golongan intelektual mula secara keterlaluan memandang tinggi dan menyanjungi unsur-unsur Barat. Selepas mereka puas belajar unsur-unsur Barat, keinginan membaratkan peradaban Cina secara keseluruhan dialu-alukan pula.⁴⁰

Dengan hasrat membaratkan Cina, namunnya peranan tradisional intelektual masih tidak terputus, jadi ternyata golongan intelektual moden dalam era Gerakan 4 Mei yang telah meminggirkan diri sendiri mereka. Dalam siri perkembangan pembaratan,

⁴⁰ Wang Ermin, *Zhongguo Jindai Sixiang Shi Lun* (Perbincangan Sejarah Falsafah Moden Cina), hlm. 50-54.

akhirnya mereka menafikan kebudayaan dan tradisi Cina.⁴¹ Dengan ini, mereka telah merendahkan peranan dan meminggirkan kedudukan intelektual di sela-sela semangat nasionalisme yang terbakar.

Dalam kesinambungan jati diri intelektual Cina, dan peningkatan keazaman membangkitkan peradaban Cina semula, jiwa intelektual telah diselubungi dengan semangat nasionalisme. Prinsip nasionalisme menekankan perpaduan bangsa, iaitu kesamarataan dalam pelbagai aspek seperti perkauman, bahasa, agama, adat dan sebagainya.⁴² Sun Yat-Sen (1866-1925) mengemukakan idea-idea mengenai negara republik dengan menggulingkan sistem autokrat dan membentuk perlembagaan demokratik buat kali pertama dalam sejarah Cina.⁴³ Tidak susah diperlihatkan, semangat nasionalisme orang-orang Cina telah diseludupi dengan perjuangan demokrasi. Setelah berlakunya Revolusi 1911, demi pembentukan sistem demokrasi negara, para intelektual dalam era Gerakan 4 Mei sanggup mengorbankan status mereka akibat perubahan struktur masyarakat yang dihasilkan daripada perjuangan nasionalisme untuk sistem demokrasi negara.⁴⁴ Tanpa melepaskan kewajiban seseorang intelektual, di samping memperjuangkan demokrasi dan menghapuskan krisis negara, mereka telah menimbulkan krisis baru kepada jati diri intelektual tradisi dari segi peranan, kedudukan dan orientasi penyumbangan.

⁴¹ Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 169-173.

⁴² Harold S. Quigley, *China's Politik in Perspective* (Minneapolis: The University of Minnesota Press, 1960), hlm. 32.

⁴³ Zhang Xiaoqian, *Zhongguo Jindai Zhengzhishi* (Kaum Intelektual Cina Modern) (Taipei: Zhonghua Wenhua Chuban Shiyeshi, 1959), hlm. 93.

⁴⁴ Revolusi 1911 berlaku pada tahun 1911 bukan sahaja menggulingkan kerajaan Qing yang telah mentadbir selama 295 tahun yang konservatif, lemah dan tidak berkebolehan, malah menggulingkan sistem autokrat telah wujud lebih daripada 4000 tahun. Liang Qintong, *The Chinese Revolution of 1911* (New York: St. John's University Press, 1962), hlm. 1.

2.4 PENUTUP

Usaha-usaha yang telah dicurahkan oleh intelektual-intelektual ini untuk mengubahsuaikan peradaban Cina semula banyak menghadapi pelbagai cabaran yang bagaikan angin berputar, ombak bersabung yang susah dibereskan. Pelopor-pelopor pada zaman itu sering digambarkan sebagai generasi yang dilandai tragedi malah penderitaan ini telah mendominasi sepanjang zaman itu. Kebanyakan intelektual tersebut telah bersusah payah dalam perjuangan yang tanpa berhenti. Alangkahnya, bolehlah dikatakan masalah peradaban Cina moden adalah masalah intelektual, dan dilema yang dihadapi dalam perkembangan peradaban Cina pula adalah dilema golongan intelektual. Oleh itu, krisis yang dialami oleh negara China dengan serta-merta diikuti dengan kesedaran golongan intelektual.